

## **Maria Zaitun Dalam *Salam Maria* Lambang Wanita Mukmin Masa Kini**

**Kalthum Ibrahim**

[kalthum@pkrisc.cc.ukm.my](mailto:kalthum@pkrisc.cc.ukm.my)

**Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia**

### **Abstrak**

Novel *Salam Maria* memaparkan watak Maria Zaitun wanita mukmin yang mementingkan kerohanian dan juga keduniaan seadanya sahaja. Maria Zaitun telah menggunakan seluruh kehidupannya membantu wanita lain yang bernasib malang. Wanita yang mempunyai pelbagai masalah dan dihimpit penderitaan bangun dalam dunia Maria Zaitun sebagai manusia yang dapat memainkan peranan dalam pembangunan ummah. Bagi Maria Zaitun kehidupan di dunia merupakan tapak dia mendapat syurga di akhirat. Itulah kejayaan yang sebenar yang seharusnya dicapai oleh setiap manusia yang bergelar muslim dan mukmin. Fatimah Busu dalam novel tersebut mengkritik masyarakat Melayu Islam, kezaliman yang berlaku dalam masyarakat, dan memberi hak orang kurang upaya, mangsa sumbang mahram untuk terus menjalani kehidupan. *Salam Maria* merupakan satu peranan yang dapat dimainkan oleh pengarangnya untuk menyampaikan mesej “Nur Keislaman”. Manusia sudah jauh daripada kehidupan yang sempurna, dan diharapkan melalui pembacaan, pengkajian dan penghuraian yang dibuat daripada novel ini menyedarkan masyarakat tentang kepentingan hidup yang berlandaskan keislaman bagi menjadi masyarakat yang berjaya. Media juga seharusnya dapat memainkan peranan sebaik mungkin dalam memulihkan masalah kejatuhan moral yang parah dalam masyarakat kini. Tanpa pedoman dan dorongan serta contoh yang baik wanita kurang mengetahui arah tujuan sebenar kehidupan, oleh itu dengan adanya novel seperti ini menjadikan pembaca berfikir dan membolehkan pembaca menilai dan mengikuti cara yang baik melalui watak Maria Zaitun untuk meneruskan kehidupan dalam dunia globalisasi ini.

### **Pengenalan**

Novel *Salam Maria* memaparkan cerita tentang watak Maria Zaitun sebagai seorang manusia yang diduga dengan pelbagai dugaan. Maria Zaitun dalam kesusahan masih membantu orang lain yang dalam kedaifan. Demi visi hidupnya dia sanggup berkorban apa saja. Beliau menghadapi kehidupan di dunia dengan seadanya dan baginya kehidupan di dunia adalah untuk mendapat keredhaan daripada Allah. Kertas kerja ini memperkatakan tentang kehidupan yang dilalui oleh Maria Zaitun. *Salam Maria* (hlm.18-19) memaparkan bagaimana dia mencari jalan hidupnya sendiri apabila masyarakat setempat memandangi jijik kepadanya.

Sebenarnya figur Maria Zaitun diambil oleh penulisnya daripada figur Maria Zaitun dalam sajak W.S. Rendra yang bernama "*Nyanyian Angsa*". Namun demikian kedua-dua watak tersebut mempunyai perwatakan yang berbeza. Bagi Rendra, Maria Zaitun ialah seorang pelacur tua yang tidak dilanggan lagi, berpenyakit dan doktor juga tidak sanggup mengubatinya kerana ia tidak mampu untuk membayar kos perubatan. Akhirnya Maria Zaitun keluar kota membawa dirinya dan kemudian terjumpa dengan seorang pemuda yang seperti dikenalnya (tetapi dia tidak ingat di mana). Maria Zaitun pasti pemuda tersebut bukan pelanggannya. Pemuda itu memahami penderitaannya dan memberikan kasih sayang. Di sini pembaca dapat membuat tafsiran bahawa pemuda itu kemungkinan "*Nabi Isa*" kerana di dada pemuda tersebut terdapat calar. Jadi Rendra mengakhiri Maria Zaitunnya yang banyak melakukan dosa dengan mendapat keampunan daripada tuhaninya sehingga menjadi orang pilihan di akhirat.

Berbeza pula watak Maria Zaitun yang dikemukakan oleh Fatimah Busu. Melalui sinopsis yang diberikan oleh pengarangnya, Maria Zaitun merupakan watak yang terbina daripada wanita mukmin yang tersohor dalam Islam. Mereka itu ialah Rabi'atul Adawiyah dan Sayyidah Nafsiyah dan empat wanita penghulu syurga; Siti Khadijah binti Khuwailid, Mariam binti Imran, Asiah, dan Fatimah al Zahra. Di sini Fatimah Busu menukar imej Maria Zaitun daripada seorang pelacur kepada seorang solehah. Beliau melakukan pembelaan kepada wanita dan untuk mengimbangi imej Maria Zaitun yang diberikan oleh Rendra. Oleh itu kita lihat Maria Zaitun disuntik dengan imej wali Allah dimana kehidupannya hanyalah untuk mencari keredhaan Allah.

### **Pendekatan**

Pemakalah menggunakan pendekatan sosiologikal bagi melihat novel ini. Mengikut Rene Welek dan Austin Warren (1988), karya sastera merupakan dokumen sosial masyarakat penciptanya. Kita dapat mengenali manusia yang wujud dalam dunia realiti melalui karya sastera. Oleh sebab itu karya sastera dapat dikaji sebagai dokumen sosial dan sebagai gambaran tentang realiti sosial.

Sebagai seorang manusia yang hidup hanya untuk mencari keredhaan Allah, Maria Zaitun merupakan insan mulia yang berada dalam dunia yang sudah rosak daripada segi akhlaknya, mementingkan material, mencari kepuasan nafsu dan fitnah jadi mainan hidup masyarakatnya. Malangnya bagi Maria Zaitun, tanpa sebab yang terang dan jelas, dia dikeji dan difitnah oleh masyarakat sekitarnya, diusir dan akhirnya dia mendapat perlindungan daripada sekumpulan wanita yang kurang upaya yang tinggal jauh dalam hutan.

Begitulah Maria Zaitun dia mempercayai segala yang dialaminya di dunia ini adalah daripada ketentuan Allah. Maria Zaitun akan menghadapi dugaan itu dengan hati yang redha. "Tuhan, ampunilah aku... aku akan terima segala ujian dari-Mu, Tuhan. Demi cinta kepada-Mu yang tidak terbatas, aku akan terima, Aku sanggup menghadapi apa saja ujian dari-Mu... berilah aku kekuatan untuk menghadapinya." (hlm: 8)

Kita boleh melihat tugas dan tanggungjawab wanita Islam dalam kehidupan melalui watak Maria Zaitun yang mengalami pelbagai masalah dalam kehidupannya. Oleh itu di sini pemakalah melihat Maria Zaitun sebagai hamba Allah, pendidik, pemurah, peniaga dan pengusaha yang berjaya dalam konteksnya sebagai insan yang hidup tanpa orang yang bergelar suami.

### ***Hamba Allah***

Sebagai hamba Allah, Maria Zaitun tidak pernah lalai daripada menunaikan tanggungjawabnya untuk mendirikan solat. Solat adalah tiang agama; tanpa solat amal yang lain tidak dinilai oleh Allah. Semasa dia dihalau oleh penyewa rumahnya yang mendakwa beliau gila, Maria Zaitun masih menunaikan solat Maghrib di bawah peneduh pintu di hadapan rumah orang yang tidak dikenalnya, dia bersolat dengan berlapikkan beberapa keping kertas surat khabar (hlm: 40).

Maria Zaitun bukan saja mendirikan solat yang wajib malah solat-solat sunat yang lain juga dilakukan demi cintanya kepada Penciptanya. Maria Zaitun rajin menunaikan puasa sunat setiap Isnin dan Khamis, walaupun ketika itu beliau berada dalam pengkelanaannya, semasa mencari tempat tinggal setelah dihalau oleh tuan rumah sewanya. Beliau juga rajin berpuasa, “Maria Zaitun berpuasa. Selepas bersahur dengan sebuku roti bulat dan dengan air paip yang disimpan dalam botol *7up...*” (hlm: 49).

Beliau sering mensyukuri nikmat yang Allah berikan kepadanya, walaupun daripada segi pandangan orang lain bahawa apa yang beliau perolehi itu kecil sahaja tetapi bagi Maria Zaitun itu sepatutnya disyukuri...” Tuhan,” kata Maria Zaitun” kalau beginilah kehendak-Mu ke atas orang yang bernama Maria Zaitun, aku terima. Terima kasih banyak-banyak, Tuhan kerana kurniaan-Mu yang mulia ini kepada ku. Ampunilah segala dosaku walaupun seingatku, aku belum lagi mengingkari perintah-Mu dan melanggar larangan-Mu.” (hlm: 51).

Walaupun dalam keadaan beliau dihalau oleh para jemaah masjid kerana pakaian dan bau busuk, Maria Zaitun tetap bermunajat kepada Allah dengan kata-katanya,

“Tuhan,” kata Maria Zaitun, “aku tidak akan tunduk kepada mereka seperti aku tidak akan meyerah dan berputus asa kepada rahmat dan kepada semua dugaan-Mu kepadaku. Dugalah aku wahai Tuhan. Sudah tidak menjadi guris luka lagi buatku. Ujilah apa saja yang Kau rasa mahu melihat kesanggupan dan keupayaanku memberikan cinta abadi kepada-Mu, nescaya aku akan sanggup menghadapinya. Percayalah Tuhan, aku tidak lagi merasa pedih dan sakit, aku yakin semakin-yakinnya akan cintaku kepada-Mu” (hlm: 56).

Keadaan ini dilihat seperti yang dilakukan oleh Rabihtul Adawiyah. Rabiha tidak pernah merasa jemu bermunajat dan sentiasa mengingati bahawa beliau bukanlah mengharap balasan syurga atau takutkan neraka. Kasihnya itu adalah kerana

keinginannya yang hakiki untuk kasihkan Ilahi, bukan kerana takut atau terpaksa (Siti Saudah 2002: 54)

Maria Zaitun adalah seorang yang beriman dan yakin dengan pertolongan Allah. Ini dapat dilihat dalam peristiwa pengsan misteri yang berlaku kepada mereka yang menghalau Maria Zaitun dari Masjid Negara. Allah pengsan mereka yang telah menghalau Maria Zaitun daripada beribadat di Masjid Negara (hlm: 57). Bala yang Allah turunkan ialah – mereka dipengsan selama dua puluh dua bulan, dua minggu, dan dua hari. Dalam pengsan itu mereka terasa seperti berjalan beribu-ribu batu, mereka kehausan dan kelaparan tetapi wakaf dan hidangan makanan yang ada di situ semuanya untuk Maria Zaitun, dan mereka berasa sangat dahaga tetapi tak dapat minum setitis airpun, semua hidangan untuk Maria Zaitun (hlm: 68-72).

Sesungguhnya perkara yang menjadikan wanita Islam istimewa ialah imannya yang mendalam terhadap Allah, keyakinannya bahawa segala peristiwa yang berlaku di dalam alam semesta ini dan segala musibah yang menimpa manusia, hanyalah dengan qada dan qadar Allah (Muhammad Ali, 1998a: 3). Wanita Islam itu bagi pendapat Muhammad Ali (Muhammad Ali, 1998b: 413) ialah “Dia bergaul dengan kaum wanita sedaya upaya yang boleh dan berhubung dengan mereka dengan akhlak Islam yang tinggi yang membezakannya dengan wanita lain”.

Seterusnya beliau menyambung...wanita muslim mempunyai akhlak yang mulia – bertaqwa, pandai bergaul, penuh penjagaan, lemah lembut perkataan dan tutur katanya, beradab, mesra dan memesrai (Muhammad Ali, 1998b: 414). Begitulah watak Maria Zaitun merupakan seorang wanita yang beriman dan seorang yang mempunyai akhlak Islam yang tinggi yang membezakan dengan wanita lain.

Segala perbuatannya diserahkan kepada Allah misalnya dapat dilihat pada halaman 4 “...bagai terbayang-bayang nampak Tuhan berbalam-balam...Kekadang terasa Tuhan sedang memerhati kepadanya dengan penuh kasih-sayang yang lembut dan halus bagai sutera dewangga”. Begitu juga pada halaman 6, “...seolah-olah dia melihat Tuhan memandangnya dengan penuh kasih-sayang yang lembut”. Keadaan begini menunjukkan bahawa segala tingkahlaku manusia dilihat oleh Allah dan menyebabkan manusia mukmin itu sentiasa di atas landasan yang betul dan takut membuat dosa kepada Allah. Jadi sudah pasti manusia yang terhasil daripada keyakinan kepada keagongan-Nya menjadikan manusia itu, insan yang bertqwa.

Contoh yang lain penyerahan sepenuhnya kepada Penciptanya, apabila ada lelaki yang ingin menjadikannya kekasih, Maria Zaitun akan berdoa kepada Tuhannya ... “Tuhan, beginikah lelaki yang Kau relakan, aku akan terima dia dengan sepenuh hatiku yang jujur dan yang jernih. Beritahulah aku, wahai Tuhan sekiranya lelaki itu sebenarnya syaitan yang datang menggodaku!” (hlm: 6)

“Anda sepatutnya mencurahkan cinta kepada Pencipta anda. Cinta itulah yang abadi.” (*Salam Maria*, hlm: 24). Kata-kata ini diluahkan oleh watak dalam mimpi Maria Zaitun. Dalam mimpi tersebut Maria Zaitun berjumpa pelbagai peristiwa berkenaan dengan cinta

dan akhirnya dia membuat kesimpulan bahawa cinta manusia hanya sementara, cinta yang kekal hanyalah kepada Allah.

“Ya Allah, ... aku terlalu hina, kecil, tidak sampai seketul zarah di sisi Mu, ...aku hanya mengharapkan perlindungan dan pertolongan-Mu daripada sifat-sifat takbur, ujub dan sifat buruk yang lain...”(hlm: 399). Inilah doa yang sering dimunajatkan oleh Maria Zaitun apabila setiap kali selesai solat. Beginilah kehidupan wanita yang menghambakan dirinya kepada Allah. Dia yakin bahawa segala yang berlaku adalah atas kehendak daripada Allah. Oleh itu manusia akan sentiasa dalam keadaan tenteram dan aman sekiranya mereka memegang konsep yang dipegang oleh orang yang beriman dan bertaqwa seperti yang digambarkan dalam watak Maria Zaitun. “Maria Zaitun sedar dirinya diciptakan untuk menjadi seorang hamba yang ampuh, kalis ujian dan dugaan. Yang kelak akan dibangkitkan kembali pada hari perhitungan dengan anugerah suratan kitab pada tangan kanan” (hlm: 157).

### ***Pendidik***

Sebagai pendidik, Maria Zaitun telah mendidik penghuni Hutan Beringin dengan didikan Islam. Perkenalan antara Maria Zaitun dengan penghuni Hutan Beringin bermula di pasar (hlm: 167-170). Maria bertanya kepada penjual minuman tentang siapakah rombongan perempuan tua itu. “orang-orang di sini kenal dia sebagai nenek Kimbung Tua...” (hlm: 167). Maria Zaitun cuba mendekati rombongan itu dengan memberi salam kepada rombongan itu, dan kemudian bertanya bagaimana sekiranya dia hendak menumpang tidur di rumah mereka, “kena tanya nenek dulu” kata rombongan tersebut (hlm: 168).

Kimbung Tua seperti ketua keluarga bagi penghuni di hutan tersebut. Pendidik dan mendidik merupakan dua unsur yang kita akan dapati dalam novel ini. Misalnya secara tidak langsung watak Maria Zaitun ketika hendak tidur dibacanya surah empat Qul, diikuti ayat Waa-ilahukum, ayat al-Kursi, ayat Laqadjaa-akum, ayat Huaal-awwalu wal akhiru, ayat Seribu Dinar dan Waman-yattaqillah. Kemudian Maria Zaitun berdoa untuk kaum muslimin dan muslimat, untuk kedua-dua ibu bapanya dan untuk dirinya sendiri dan akhir sekali mengucapkan Dua Kalimah Syahadah (hlm: 198). Di sini pengarang menggunakan watak Maria Zaitun untuk mengajar pembaca secara tidak langsung bagaimana cara yang paling baik sebelum seseorang itu hendak tidur, apa bacaan yang patut dibaca dan jangan tidur tanpa mengucap Dua Kalimah Syahadah, sebab sebagai manusia kita tidak tahu bilakah masa kita akan dijemput oleh Allah kembali mengadap-Nya.

Bagaimana Maria Zaitun menunaikan solat malam diceritakan dengan terperinci agar apa yang dilakukan oleh watak Maria Zaitun dapat diikuti oleh pembaca. Maria Zaitun solat sunat Wuduk, diikuti solat sunat Tahajud sebanyak empat rakaat dengan dua salam, kemudian dilakukan pula solat sunat Taubat dua rakaat satu salam, seterusnya solat sunat Witir dengan tiga rakaat dua salam (hlm: 205).

Selain daripada mendidik para pembaca, Maria Zaitun juga merupakan pendidik bagi penghuni di Hutan Beringin. Setiap kali selepas solat Maghrib, Maria Zaitun mengambil al-Quran Pimpinan Al-Rahman. Dia membacakan al-Quran dengan ertinya, mereka semua mendengar. Selepas itu Maria Zaitun akan menerangkan tentang nabi-nabi, selawat, solat, aurat wanita, rukun Islam dan sebagainya.

Sebelum ini sesetengah daripada kalangan mereka tidak tahu bagaimana hendak solat. Mereka juga tidak tahu untuk membaca al-Quran. Jadi Maria Zaitunlah yang mengajar mereka mengenal huruf dan seterusnya mengaji dengan lancar. Maria Zaitun merasakan menjadi tanggungjawabnya untuk mengajar mereka sampai boleh solat (hlm: 243).

Usaha Maria Zaitun telah mendapat iktiraf dari semua penghuni rumah panjang tersebut, “Dulu-dulu, sebelum hadirnya Maria Zaitun, mereka tidak tahu satu apa pun. Mereka hanya tahu bahawa mereka adalah perempuan Melayu dan beragama Islam. Namun mereka tidak tahu bagaimana hendak menjadi seorang Islam yang benar-benar Islam. Kini Maria Zaitun membimbing mereka menjadi Islam secara rohani dan jasmani” (hlm: 418).

Maria Zaitun sanggup meminta daripada ahli kariah masjid di pekan itu papan putih yang sudah hendak dibuang untuk digunakan mengajar penghuni rumahnya itu. Sementara itu Maria Zaitun meminta beli sedikit kain solat dengan harga yang murah, juga Quran, buku surah Yaasin untuk kegunaan mereka. Ini adalah antara usaha-usahanya yang murni sebagai pendidik, mendidik mereka yang jahil dalam ilmu dunia dan akhirat.

### ***Pemurah***

Sebagai manusia yang mendahulukan kepentingan orang lain lebih daripada kepentingannya sendiri, dia sanggup membelanjakan sebanyak tiga ratus sembilan puluh tujuh ringgit untuk barang-barang runcit rumah tersebut. Itu pun tidak termasuk barang pasar. Dia juga membelikan baju untuk kanak-kanak di situ misalnya, “Baju T tiga helai sepuluh ringgit, dua helai lagi tujuh ringgit. Jadi tujuh belas ringgit. Baju maxi sepuluh ringgit satu, jadi tiga puluh tujuh” (hlm: 264).

Dia juga membeli tilam, bantal untuk diberikan kepada Kimbung Tua. Dia juga membelanjakan duitnya untuk membina tandas di rumah kediaman mereka di hutan itu. Akhirnya kehidupan mereka bertambah senang dan tidak sesusah sebelum Maria Zaitun datang dan tinggal menetap di situ.

Kesemua perbelanjaan itu diambil daripada duit tabungnya yang hendak digunakan untuk menunaikan ibadat haji pada musim haji yang akan datang (hlm: 200). Namun demikian untuk membimbing orang di Hutan Beringin ke jalan yang diredhai, Maria Zaitun sanggup melupakan hasratnya menunaikan haji; bagi beliau masyarakat di Hutan Beringin lebih memerlukan wang tersebut berbanding dirinya.

### ***Perancang***

Maria Zaitun merancang bagaimana menggunakan buluh dijadikan saluran air dari air terjun ke rumah mereka. Perkara ini dapat dilihat daripada dua petikan yang berikut:

“Itu dari air terjun sana. Nanti buluh itu mahu digantung pada dahan pokok, sambung-sambung sampai ke dapur itu” (hlm: 282).

“Kesemua lima batang buluh itu disambungkan. Satu batang lagi dipotong untuk dibuat tiang pengampu saluran” (hlm: 283).

Begitu juga Maria Zaitun menggunakan kepandaiannya dalam membina dinding yang lebih kukuh untuk rumah mereka. Keadaan ini dapat dilihat dalam beberapa petikan seperti di bawah ini:

“Buluh yang hendak dijadikan dinding luar tidak dibelah, dibiarkan bulat-bulat dan dipaku terus dengan paku satu inci pada tiga palang yang juga diperbuat daripada buluh yang dibelah dua” (hlm: 286).

“Maria Zaitun mendapat ilham bagaimana membuat pintu gelongsor, yang boleh ditolak dan ditarik” (hlm: 286). Dia juga menerima pendapat Mak cik Ijuk dalam menentukan bagaimana pintu itu dapat berfungsi, “Letak sepotong buluh bulat di bahagian bawah, satu potong lagi di bahagian atas. Lepas itu, ikat hujung kiri kanan” (hlm: 287).

Begitulah Maria Zaitun merancang dan berusaha bagi memberikan kehidupan yang selesa kepada keluarga barunya di Hutan Beringin. Baginya kesenangan mereka merupakan kesenangannya juga. Sebelum ini penduduk di rumah itu tinggal dalam keadaan bimbang dengan binatang-binatang buas, yang sering datang begitu hampir dengan rumah mereka. Oleh itu Maria Zaitun merancang buat pagar keliling rumah mereka.

“Esok, kalau nenek izinkan, kita masuk hutan cari buluh,” kata Maria Zaitun, “kita kena buat pagar keliling rumah. Kita tambah dinding rumah satu lapis lagi di bahagian luar dengan dinding buluh” (hlm: 276).

Bagi penghuni rumah tersebut sebelum ini mereka memang ada niat untuk membuat pagar keliling rumah tetapi mereka tidak tahu bagaimana hendak membuatnya. Tetapi dengan kehadiran Maria Zaitun dalam hidup mereka, apa yang mereka impikan tercapai. Oleh itu mereka merasa cukup bahagia dan selamat setiap waktu dengan adanya perancangan yang dibuat oleh Maria Zaitun untuk rumah mereka (hlm: 289).

### ***Peniaga dan Pengusaha***

Maria Zaitun berusaha mendapatkan pendapatan yang lebih baik daripada usaha yang mereka lakukan. Oleh itu kita lihat dalam halaman 293 hingga 294, beliau telah membuat rundingan tentang harga akar kayu dengan tauke yang selalu mengambil akar kayu yang

dibawa oleh mereka. Sehingga tauke Cina itu terpaksa bersetuju dengan harga yang dikehendaki oleh Maria Zaitun. “Nanti, nanti sekejap. Kita kira pakatlah. Awak cari akar, nanti aku beli sepuluh ringgit satu kati.” “Baik” (hlm: 294). Begitulah Maria Zaitun berusaha bagi pihak orang di Hutan Beringin bagi mendapat upah yang setimpal bagi usaha mereka.

Di samping itu, Maria Zaitun mendapat idea untuk membuat telekung yang cantik seperti yang dilihatnya telekung yang dipakai oleh kariah Masjid Negara. “Kalau dia dapat membeli kain putih, mengupah kedai jahit itu menjahit kain telekung banyak-banyak, nanti semua orang di rumah itu boleh menyulam bahagian tepinya .... Malah untuk membuat motif bunga-bunga pada tepi kain telekung, dia sendiri boleh melukisnya dengan baik” (hlm: 276).

Oleh sebab itu Maria Zaitun telah berjumpa dan berunding dengan tuan punya kedai jahit di Pekan itu untuk mengupah jahit telekung. Beliau bertanya berapa upah yang dikenakan untuk sepasang telekung, kemudian bertanya berapa ela pula diperlukan untuk sepasang telekung, setelah itu Maria Zaitun membeli kain telekung yang diperlukan dan diserahkan kepada tukang jahit untuk menjahitnya (hlm: 296). Seminggu kemudian dia akan mengambil telekung itu untuk dijahit bunga-bunga ditepi kain telekung itu, akhirnya telekung itu akan dijual dengan harga yang berpatutan.

Di samping itu Maria Zaitun mencari jalan untuk memudahkan kerja mereka agar tidak perlu berjalan kaki selama 3 jam sekali seminggu untuk sampai ke pekan bagi membeli barang keperluan harian mereka. Oleh itu dia telah berbincang dengan pemuda van yang menjual barangan runcit untuk datang ke Hutan Beringin sekali seminggu. Dia juga meminta pemuda tersebut menjadi orang tengah dalam perniagaannya menjual akar kayu, hasil-hasil tanaman, serta menghantar dan mengambil telekung di kedai jahit di pekan tersebut. Pendek kata Maria Zaitun telah bergelar usahawan secara tidak langsung. Beliau telah membantu penduduk rumah tersebut mencari pendapatan dengan cara tinggal di situ tanpa keluar ke pekan. Mereka menjahit, menanam, dan mengambil hasil hutan kemudian pemuda van yang menjadi orang tengah memasarkan segala barangan yang mereka hasilkan. dan pemuda tersebut juga membantu mereka mendapatkan barang keperluan harian. Keadaan ini dapat dilihat daripada petikan halaman 304 seperti di bawah:

“Khidmat pemuda van itu bukan setakat membeli barang-barang yang mereka hendak jual dan menjual barang-barang yang mereka perlukan, malah Maria Zaitun turut mengupahnya menghantar kain-kain telekung yang sudah disulam ke tukang jahit di pekan. Sudah acap kali pemuda itu tolong membelikan kain putih untuk dibuat telekung dan diserahkan terus kepada tukang jahit. Kini di antara tukang jahit, pemuda itu dan Maria Zaitun sudah seperti bekerja dalam suatu usahasama.”

## **Kesimpulan**

Begitulah kehidupan yang dilalui oleh Maria Zaitun. Cara bagaimana beliau dapat mengatasi masalah yang berat dan terus membangun masyarakat di Hutan Beringin. Novel *Salam Maria* memaparkan watak Maria Zaitun wanita mukmin yang



mementingkan kerohanian dan juga keduniaan seadanya sahaja. Maria Zaitun telah menggunakan seluruh kehidupannya membantu wanita lain yang bernasib malang. Wanita yang mempunyai pelbagai masalah dan dihipit penderitaan bangun dalam dunia Maria Zaitun sebagai manusia yang dapat memainkan peranan dalam pembangunan ummah. Oleh itu watak Maria Zaitun dapat menjadi contoh kepada kaum wanita dalam menghadapi dunia yang penuh pancaroba. Tanpa keyakinan kepada Allah kehidupan manusia yang bergelar muslim akan menghadapi kehidupan yang tidak tenteram di dunia dan akhirat.

Namun demikian, dalam pemikiran moden, kita lebih cenderung berfikir secara logik akal. Ternyata bahawa logik akal telah membataskan alam pemikiran manusia. Jadi untuk mencari kebenaran yang mutlak kita harus menggunakan logik hakiki, logik yang sebenar-benarnya logik dengan mengakui bahawa segala makhluk adalah ciptaan Allah dan tidak ada sedikit pun kekurangan bagi-Nya. Maria Zaitun merupakan seorang wanita soleh yang gigih menghadapi kehidupan mengikut jalan yang diredhai oleh Allah. Sekiranya semua wanita Islam mengikut keyakinan dan keikhlasannya beribadat kepada Allah sudah pasti dunia ini akan menjadi aman dan sentosa kerana sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud “Sesungguhnya dunia ini dipenuhi dengan perhiasan yang indah-indah, tetapi tidak ada perhiasan yang lebih indah daripada wanita yang soleh” (Ibn. Majah, 1981, 1: 596 dalam Andek Masnah, 1999: 24).

## Rujukan

- Andek Masnah Andek Kelawa. (1999). *Kepimpinan wanita dalam Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anwar Zainal Abidin. (2002). *Citra wanita muslimah dalam sejarah*. Dlm Siti Saudah Hj Hassan dan rakan-rakan (pnyt.). *Ketokohan wanita Islam*, hlm. 148-156. Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam.
- Kasmiran Wuryo Sanadja. (1985). *Filsafat Manusia*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Muhammad Ali Al-Hashimi. (1998a). *Keperibadian Wanita Muslimah. Jilid 1*. Terj. Bandar Baru Bangi: Maktabah al-Qardhawi.
- Muhammad Ali Al-Hashimi. (1998b). *Keperibadian Wanita Muslimah. Jilid 11*. Terj. Bandar Baru Bangi: Maktabah al-Qardhawi.
- Fatimah Busu. (2004). *Salam Maria*. Selangor: Absolute Press (M) Sdn. Bhd.
- Rene Welek dan Austin Warren. (1988). *Teori Kesusasteraan*, Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ruzy Suliza Hashim. (2004). Realisme Magis dan Ikhtiar Wanita dalam *Salam Maria* – Satu Penelitian Awal. Kertas Kerja yang dibentangkan di Majlis Diskusi Buku dan Pelancaran *Salam Maria* anjuran Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 3 Disember 2004.

Siti Saudah Hj Hassan dan rakan-rakan (pnyt.). (2002). *Ketokohan wanita Islam*. U.K.M: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam. Fakulti Pengajian Islam.

Siti Saudah Hj Hassan dan Fatimah Yusro Hashim. (2002). Rabiah al-Adawiyah: Tokoh Sufi dan perundangan Islam. Dlm Siti Saudah Hj Hassan dan rakan-rakan (pnyt.). *Ketokohan wanita Islam*. hlm. 50-59. Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam.

### **Biodata penulis**

Puan Kalthum Ibrahim bekerja di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM), di Universiti Kebangsaan Malaysia sejak tahun 1983 sebagai tutor, kemudian mula menjawat jawatan pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik pada tahun 1995. Beliau mempunyai ijazah Sarjana Muda dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana dan Diploma Pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Pengajaran Bahasa Melayu kepada penutur asing, dan Sociolinguistik terutama dalam bidang Perancangan Bahasa. Pada masa ini beliau mengajar kursus wajib fakulti iaitu Kursus Ketrampilan Berbahasa. Beliau turut juga mengajar kursus wajib program iaitu Kursus Metodologi Penyelidikan dan Kursus Sejarah Linguistik.